



KERATAN AKHBAR

CAWANGAN PERHUBUNGAN AWAM
IBU PEJABAT, JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA



Terbitan: *Harian Metro*

Tarikh: *23/6/2023*

M/S: *6*

Rokok bernilai RM138,398 dirampas

Kota Bharu: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan merampas sebanyak 1,571,800 batang rokok bernilai RM138,398 dengan cukai sebanyak RM966,681.80 pada 15 dan 16 Jun lalu.

Pengarahnya Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, dalam dua serbuan itu juga pihaknya turut menahan tiga suspek serta enam kenderaan termasuk empat lori.

Beliau berkata, semasa serbuan pertama di Tumpat pada jam 8.30 pagi 15 Jun lalu, JKDM menahan seorang suspek dan merampas sebanyak 115 peti mengandungi 1,150,000 batang rokok seludup dan tiga lori.

Menurutnya, dua suspek

lagi ditahan pada serbuan kedua di sebuah rumah di Kota Bharu keesokannya dan JKDM merampas 421,800 batang rokok seludup di dalam 42 peti serta sebuah lori dan dua kenderaan pelbagai guna (MPV).

"Siasatan awal mendapati modus operandi yang digunakan adalah dengan membawa masuk rokok seludup dari negara jiran melalui jalan laut atau sungai untuk diedarkan ke negeri ini.

"Rokok diklasifikasikan sebagai barang larangan import yang tertakluk di bawah Butiran 66, Jadual Ketiga/Bahagian II Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017," katanya semalam.

Beliau berkata, kes itu di-

siasat di bawah Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 yang jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak kurang 10 kali nilai barang atau RM100,000 yang mana lebih besar dan tidak lebih 20 kali nilai barang atau RM500,000 yang mana lebih besar atau dipenjarakan tidak kurang enam bulan dan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama.

Katanya, orang ramai digesa supaya membantu pihak JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain serta dinasihatkan tidak mem-babitkan diri dengan aktiviti terbabit.